

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PERLUASAN DIGITALISASI PERUNCITAN (ReDI) KE BAZAR JB MERANCAKKAN AKTIVITI EKONOMI SEKTOR PERUNCITAN NEGERI JOHOR

**JOHOR BAHRU, 6 Oktober 2022** – Yang Berhormat **Dato' Rosol bin Wahid**, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (***Retail Digitalisation Initiative – ReDI***) Peringkat Negeri Johor di Bazar JB.

2. Pelancaran ReDI ini adalah sebahagian dari **pelaksanaan inisiatif pengembangan sektor perniagaan yang menjadi teras utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**. Program ReDI telah berjaya dilaksanakan di Putrajaya, Hulu Terengganu, Kapit Sarawak, Pulau Pangkor, Labuan, Sandakan, Sabah, Kuala Perlis, Perlis dan **kemuncaknya oleh dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di Bera, Pahang pada 27 Ogos 2022** yang lalu.

3. Sehingga 1 Oktober 2022 sebanyak **5,596 peniaga telah beralih ke medium digital** dan kini ianya diperluaskan di lagi di Johor dengan menyasarkan **keseluruhan 265 peniaga Bazar JB yang menjadi tumpuan pelancong dan orang ramai** di sini. Inisiatif ReDI ini bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada wang tunai, malah memberi

pelbagai manfaat kepada **pengguna dan peniaga dalam tiga (3) aspek iaitu MUDAH, CEPAT DAN SELAMAT.**

4. Selain itu, bagi menyokong pelaksanaan ReDI yang dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan rakan strategik penyedia *e-wallet* ini, Kementerian bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak **RM10,400 bagi melaksanakan program insentif baru kepada peniaga dan pengguna secara tanpa tunai di Bazar JB** ini.

5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi **Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)** di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui emel kepada [spip@kpdnhep.gov.my](mailto:spip@kpdnhep.gov.my)

**YB Dato' Rosol bin Wahid**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
Johor Bahru, 1 Oktober 2022**

**#End#**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

